Ya Allah limpahkanlah rahmat kepada junjungan besar kita Nabi Muhamad SAW, yang dengan rahmat itu Engkau akan menyelamatkan kita dari semua keadaan yang mendebarkan dan dari semua cobaan yang dengan rahmat itu Engkau akan mendatangkan kepada kita hajat, Yang dengan rahmat itu Engkau akan membersihkan kita dari semua keburukan/kesalahan. Yang dengan rahmat itu Engkau akan mengangkat kita kepada setinggi-tinggi derajat. Yang dengan rahmat itu pula Engkau akan menyampaikan kita kepada sesempurna-sempurnanya semua maksud dari semua kebaikan pada waktu hidup dan setelah mati.

Ameen.....

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

<https://youtu.be/HIJDD1b1IV8>

Salam Ramadhan & Selamat Berpuasa



34. [Log in to Reply jgnpergitun](#) Jul 14, 2015 1:03 AM

Salam Tun...

mengalir air mata saya baca...

tolong tun selamatkan malaysia..

takut memikirkan anak2 kami pd masa akan dtg dgn keadaan pemimpin yg x bermaruah sekarang...

Tun...jgn pergi meninggalkan kami...kami rakyat malaysia perlukan tun...

ya allah..panjangkanlah umur Tun Mahathir yg disayangi..



35. [Log in to Reply mustaqimabdulrahman](#) Jul 14, 2015 12:49 AM

Tun,

Bangsamu haprak dipenuhi khianat,

Bangsamu lemah dipenuhi hasad,

Bangsamu hina mementingkan diri,

Bangsamu tiada harapan lagi.

500 tahun dijajah tanpa tentangan,

Bangsamu lalang tunduk si ketua berkuasa,

Baik Portugis, British, Jepun dan Syaitan,

Bangsamu mudah berputus asa.

Tun perjuang bangsa haprak,  
Tidak jemu tidak penat,  
Apa yang dapat selain serak,  
Minda mereka tetap hutan banat.

Saya Melayu amat kecewa,  
Ini semua salah kita,  
Bila undi sambil lewa,  
Yang merana kita.

Saya dikhiati Melayu tidak berguna,  
Melayu kaya Ali Baba,  
Angkuh tapi hanya pengguna,  
Padahal bangsa kita masih meraba.

Pasaran peniaga dimonopoli,  
Melayu puas bertuankan cina,  
Bila berniaga kita didengki,  
Dihancurkan Melayu bukan Cina.

Sudahlah, Melayu akan mampus,  
Tidak bersatu kita hancur,  
Melayu tetap akan mampus,  
Kerana biar maruah dilacur.

Melayu bangsa kelas rendah,  
5 tahun tinggal baki,  
MELAYU pasti dijajah,  
Salah sendiri kerana dengki.

Tutuplah mata wahai Tun Mahathir,  
Semoga Allah beri rahmat,  
Ini semua sudah Takdir,  
Hanya Allah jadi penyelamat.

Hembus nafas terakhirmu,  
Rapatkan matamu,  
Rehatkan jasadmu,  
Jumlah DIA berbekal kebaikanmu.

Kami tidak akan salahkan Mahathir,  
Kerana Melayu memang begitu,  
Malas dengki khianat pentingdiri dan salahkan takdir,  
Batupun boleh begitu.



36. [Log in to Reply](#) **mubarakchan** Jul 14, 2015 12:25 AM

Tun

For Daniel Noor, the population of Singapore is approximately 3.2 Millions indigenous Singaporeans, 1.2 Millions foreigners and 900,000 permanent residents who paid S\$ 1.3 Millions for each family to live in Singapore. Singapore faces a dire lack of people. So much so, the foreigners were brought in to bolster the GDP without which the economy becomes retrogressive. She is struggling to keep the GDP at about 3.8 percent. Unlike the heydays in the 1980s and the 1990s when the GDP was 7%. This was the result of the end of the Cold War in 1989. Afterwards, Uncle Sam came up with the spiel, 'Globalization, Free Trade, Human Rights.' which are anathema to the traditional trading activities of Singapore like smuggling, money laundering, arms trading, breaking sanctions, collecting Vietnam War waste etc. At the turn of the 21st Century, Singapore was in deep trouble. For the very first time, there was unemployment. The dysfunctional Apparatchiks aka Meritocrats proposed the TPPA and 2 casino licences to save the Singaporean economy. The poisoned chalice TPPA for Malaysia is well-documented. The 2 casinos failed after 2 years from inception. To this day, the Singaporean GDP never recovered. IT IS NOW RUMOURED THAT SINGAPORE'S GENERAL ELECTIONS WILL BE HELD THIS YEAR to avoid the forthcoming World financial collapse !



37. [Log in to Reply](#) **suhaibin suhaibul** Jul 14, 2015 12:22 AM

Assalamualaikum Tun.....

Subhanallah..... Subhanallah..... Subhanallah.....Subhanallah.....Subhanallah.....Subhanallah.....  
Subhanallah.....

Maha suci Allah daripada dipersekutukan dengan segala sesuatu.

Tajuk ini lah yang saya tunggu-tunggu selama ini. Pagi tadi bila berkata tentang suatu "Nombor" kepada Tun... dada saya terasa hangat mencengkam... bukannya marah tetapi gelisah andai Tun tidak dapat menangkap maksud saya...

Semalaman tidak tidur hingga ke pagi... bersahur kemudian meminta isteri saya mengguntingkan rambut saya, lalu mandi dan menunaikan semampunya segala "Suruhan"; sebagai hamba yang Esa.

Sebelum Cerah saya sudah menghidupkan engine kereta....lalu meredah kabus..... jam 9 sudah berada di Pejabat "Pegawai Pendidikan Daerah" Ranau... malangnya mereka semua sedang bermesyuarat. Kembali ke pekan lalu menyiapkan sesuatu sebelum ke Pejabat "Pegawai Daerah" Ranau pada Jam 11.38 pagi.

Saya serahkan "Asignment mudah berkaitan 'program Mosti' " kepada Pegawai Daerah Ranau... Cemas dan tidak teratur penerangan saya kepadanya. Akhirnya dia berkata dalam suatu jenis bahasa berlapis...tetapi... saya faham maksudnya : ertinya begini : "Mengapa Kerja awak ini tidak teratur serta tidak kemas?" ..... saya menjadi semakin gelisah. selesai di sana...lalu...

Berjumpa Pegawai Pendidikan Daerah... Alhamdulillah....dia ada dalam pejabatnya... berbincang hingga terlajak waktu hingga Jam 1.25 petang... mujurlah dia ini dari jenis ketua yang penyabar dalam keprihatinannya... Alhamdulillah...

Tiba di Rumah jam 4.15 petang, lalu mengemaskini "Assignment Mudah" itu sementara menunggu masa Sungkai.Bersungkai...etc...

Jam 10.08 malam... saya buka Blog Tun..... Subhanallah..... inilah tajuk yang sekian lama saya nantikan. Kisah "Tanah Air" yang ditulis dalam bentuk sajak.

Saat perpisahan kita sudah tiba Tun. Inilah saat pertemuan dan inilah juga saat perpisahan kita Tun.

Mac Tahun 2003... saya menulis sajak tentang Tanah air, peperangan dan kemiskinan lalu membacanya di pejabat Jabatan penerangan Ranau... "Bahasa Rasmi" untuk "Kisah 2003" ialah "Bahasa Kiasan"...

Kesemua pegawai penerangan mengeleng kepala sambil berbisik – "Sudah gila cikgu ni"... sepupu saya sendiri – Sably Saupin – turut berkata sedemikian. Tiada sesiapa memahami saya, hingga pernah suatu ketika berjalan di Pekan sambil menangis dan menyanyikan lagu "Negaraku".

Hati saya berkata "Tiada ertinya hidup seseorang yang tidak setia dan tidak mencintai negaranya"... hingga saya benar-benar menjadi "Orang Gila".

Tun... saya sedar bahawa Tun mula terlirik akan diri saya sewaktu saya masih berada di "Kent College" lagi, pada tahun 1992. Kisah mula ditulis sebermula tahun 1993 lalu memuncak pada tahun 2003 dan hari ini.... genap lah 22 Tahun perjalanan kisah itu. Pedih, perit dan seksanya hanya Allah yang tahu.

Hari ini 13/7/2015 : (13 + 7 = 20 ..... 5-1-0-2 = 2.....) Jumlah = 22... sama dengan bilangan tahun pemerintahan Tun.

Angka "0" tidak di abaikan. Hasilan 2 dalam operasi 5-1-0-2; dihadirkan "0" dibelakangnya lalu menjadi "20". Cantum dengan hasil operasi 13 + 7..... lalu terhasil lah "2020".

"22 tahun pemerintahan" dan "Vision 2020".

Terima kasih Tun..... inilah Pertemuan dan Perpisahan yang amat manis. Semua ini suatu "JANJI". Kisah kita tamat di sini. Tun masih ingat perkataan ini "Mat Salleh Gerun akan Puisi dan Pantun". Tiada sesiapa yang merancanginya begini...tetapi... segalanya ketentuan Allah jua.

Cukuplah segala apa yang telah saya lihat dan lalui... saya tidak sanggup meredah dan melihat "Kisah 2003" itu sekali lagi. Cukup lah sekali merenangi Sungai darah itu.

Tun tahu apa dalam fikiran saya ketika "Perang Iraq dan Amerika" pada tahun 2003 itu ? Selain meraung menangisi rakan-rakan saya yang terkorban.....- Begini : Alangkah ruginya... Alangkah Ruginya... betapa banyak Askar telah terkorban dan mengapa mereka tidak terfikir untuk menjadi "Penderma Organ" sebelum memasuki medan perang. Betapa ramai orang yang mampu mereka selamatkan sesudah kematian mereka – dengan izin "Allah".

Saya pula cuba membunuh diri dengan "kain Pelekat" dalam penjara polis bila "Seseorang Yang saya anggap Bapa" berkata begini : "Jikalau Saya Menemui Ajal dalam kisah ini ; Tolong berikan mata saya ini kepadanya (kepada saya)...kerana... dia ini buta."

Tun... saya lebih rela mati daripada diminta melihat apa yang telah dia saksikan.

Cukup lah... Cukup lah.... cukup sampai di sini sahaja. Selama ini saya bertahan untuk menunaikan janji yang satu ini (22 dan 2020)...lalu... ianya telah terlaksana...Hanya... maafkan saya kerana saya tidak mampu menunaikan janji untuk "empat orang wanita"...maafkan saya kerana hingga ke akhir ini (22 dan 2020)... saya gagal menunaikannya. Saya pernah mati kerana Wanita...tetapi... saya hidup kembali pun, juga kerana wanita.(Segalanya hanya kerana izin dan kehendak Allah).

Assalamualaikum Tun.... Cukuplah bagi saya 43 Trillion Dollar Amerika dan 23 Trillion Euro itu..... "Itu pun dah tak habis nak makan".

Bermula dengan "Sebotol Susu Kacang" dan berakhir dengan "Tiga Tong Susu Pintar" sumbangan kerajaan untuk murid-murid sekolah. Sebotol itu dahulu "Saya Bayar"...tetapi... " Tiga Tong Susu" ini, saya curi...Tanya Cikgu Anderias Kabin.(Terkebil-kebil matanya tak mengerti).Hanya kami yang mengerti bahasa ini.

Jib... itulah pengorbanan ku yang terakhir buatmu... ("You are the "Chosen One")...tetapi... ada dua lagi kelak selain dirimu.

Mengapa terlalu banyak berkata sesuatu yang "Orang Kebanyakan" tidak faham pada malam ini..... sekadar kedengaran gila di telinga "Orang Kebanyakan".... kerana..... masa telah tiba; Dan... ini lah pengakhirannya. "Kaca Mata" hitam yang menutupi mata kalian telah ditanggalkan... kalian akan sejenak silau, sebelum benar-benar dapat melihat segalanya.

Saya tidak sanggup lagi menerima "Buah-buahan" dan "Sayur-sayuran" busuk. (Kisah Christmas Disember 2002). Hanya kami yang mengerti... Cukup lah sekali itu sahaja.

Cikgu Chacho Muhama... maafkan saya... Dengan jari kelingking saya pun tidak pernah saya sentuh jam tangan cikgu... kisah 2001... jikalau tak mengerti, tanyalah empunya diri itu (Chacho). "Durok Keningau" jangan bermain dengan "Tabung Syiling Anda" , kelak nanti ada yang terluka hatinya.

Assalamualaikum warah matullahi wabarkatuh... Salam Sejahtera...



38. [Log in to Reply](#) **Hajar** Jul 13, 2015 11:54 PM

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

Terasa amat sedih, pilu dan hiba bila membaca nukilan Tun...

Saya sebak...bergenang air mata.

Nukilan Tun lahir dari hati yang tulus ikhlas. Nampak jelas keikhlasan Tun.

Amat menyentuh perasaan...

Tun seorang yang berjiwa halus dan boleh merasai 'denyut nadi rakyat' yang sebenar.

Tun satu-satunya pemimpin sejati berjiwa rakyat yang ada pada masa ini yang berani berkata benar.

Tun terus berjuang untuk rakyat walau dicela dan dikeji oleh PM (yang amat percaya 'Cash is King' – pemuja wang) dan koncu-koncu beliau.

Saya tidak dapat bayangkan bagaimana perasaan saya seandainya Tun pergi...saya doakan kita dapat menyambut hari lahir Tun yang ke-100 tahun, dan seterusnya...Amin.

Banyak rakyat yang amat sayangkan Tun...

Terima kasih Tun.

\*\*\* Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga. \*\*\*



39. [Log in to Reply](#) **Nick Bagan** Jul 13, 2015 11:47 PM

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera buat Tun suami isteri...

Di kala hayat saya hanya separuh saja dari hidup Tun tetapi sebagai seorang yang lahir dari keluarga susah ( tidak miskin kerana ada lagi yang lebih susah dari kami ) saya amat faham benar erti perjuangan hidup dan erti survival diri untuk terus dapat hidup.

Kerana asal susah, apabila mencapai senang saya terkenang kembali saat susah dahulu. Saya bersyukur kerana telah berjaya walaupun tidak sampai kaya. Umpama Loqmanul Hakim, saya perturunkan kesah2 susah waktu kecil dahulu sebagai pesanan buat anak2 supaya menjadi panduan dan teladan kepada survival hidup mereka pulak.

Sebaliknya mereka-mereka yang lahir dari keluarga kaya seperti PM Najib, apakah kesusahan hidup yang pernah dirasakannya. Sejak lahir ditatang dengan segala kemewahan hidup dan saya berani buat anggapan bahawa sejak dari lahir sampailah sekarang dia tak pernah walau sekalipun pijak bumi tanahair sendiri tanpa memakai kasut.

Ketika habis saja belajar dan umur pun sudah mencecah 20an ketika kami anak dari keluarga susah masih lagi perlu kesana kesini pergi mencari dan mengisi borang memohon agar diberikan peluang dipanggil menghadiri temuduga dengan harapan mendapat pekerjaan tetap bergaji bulan, PM Najib ini telah pun menjawat jawatan menteri besar negeri Pahang atas kapasiti berbinkin bangsawan Tun Abdul Razak.

Akibat tak pernah merasa susah sebagaimana kami yang lahir dari keluarga susah, akibat bergelumang dengan kemewahan hidup sejak dilahirkan, maka nafsu serakah mulai dikuasai oleh WANG. Sanggup membuat apa saja, matlamat yang menghalalkan cara, dia sanggup menegakkan benang basah walaupun dengan mempergunakan agama dan nama Allah di dalam masjid yang sepatutnya menjadi rumah Allah. Sanggup dia bersumpah dengan nama Allah dalam masjid bahawa dia tidak kenal Altantunya dan baru-baru ini sanggup pula dia mengatakan bahawa 1MDB telah banyak membantu pembangunan agama Islam di Malaysia tetapi umat Islam tidak pula berterima kasih kepadanya apabila wang yang dari sumber haram digunakan untuk memperbaiki masjid serta menghantar orang kampung melakukan umrah dan haji. Tambahnya lagi, walaupun bersolat tidak tinggal 5 waktu sehari tetapi jika membuat fitnah dan menyebarkan ( mengenai 1MDB ) maka syurga itu tidaklah terjamin. Adakah dia fikir bahawa dia sudah mencapai taraf ulama, taraf wali atau pun taraf nabi apabila berkata sedemikian rupa di dalam masjid..????

Sedih... taktala membuka portal berita antarabangsa, contohnya MSN.com, 1MDB bukan lagi sekadar berita isu semasa tetapi telah menjadi salah satu menu utama dengan diberikan highlight "Get all the latest news on the 1MDB issue right here!".

Di era TDM nama Malaysia walaupun ketika krisis kewangan melanda Asia, semerbak harum, dihormati dan menjadi sebutan warganegara samada dari negara sahabat atau 'musuh' dan cukup terkenal dengan slogan MALAYSIA BOLEH. Tetapi sekarang nama Malaysia semakin menjadi bahan ketawa dan semakin hilang kehormatannya akibat daripada skandal2 penyelewengan kewangan oleh

pemimpin negara dan juga akibat daripada kes pembunuhan Altantunya oleh pihak polis yang amat kejam selepas ditembak mati kemudian dibawa ke hutan dan dibom dengan C4 pula.

Perlu saya akui walaupun di sepanjang 22 tahun era TDM ada beberapa perkara yang saya tidak setuju terutamanya yang bersangkutan DSAI, tragedi Memali, matapelajaran matematik dan sains di bahasa Inggeris dan yang terutama sekali adalah drama 'Melayu mudah lupa' dengan tangisan hiba di PWTC ternyata TDM adalah seorang politikus nasionalis yang tiada tandingannya seantero dunia. Walaupun ada sudut keburukan tetapi segala kebaikan yang terbit dari TDM adalah jauh melebihi. Dan dengan kekuatan daya pemikiran serta wawasan TDM yang ternyata jauh terkehadapan melebihi zaman. Saya berbangga kerana Malaysia pernah mempunyai seorang PM yang bernama Dr Mahathir Mohamad.

Akhir kata, terima kasih saya ucapkan dan saya doakan TUN berdua dikurniakan kesihatan baik yang berterusan kerana kami rakyat Malaysia amat memerlukan pimpinan dan semangat juang TDM dalam memperjuangkan maruah serta jatidiri kami sebagai warga Malaysia yang sedang berada dalam suasana ketidakpastian politik dan ekonomi akibat dari krisis ciptaan barisan pemimpin negara masakini yang sangat suka memperbodohkan rakyat sendiri demi 'kepentingan diri' dan pengekal jawatan.

Sekian terima kasih..



40. [Log in to Reply](#) **anak wawasan 2020** Jul 13, 2015 11:41 PM

Salam Ayahanda Tun Dr. Mahathir,

Suatu nama yang mencatat sejarah,  
Suatu nama yang bermain di bibir anak kecil,  
Suatu nama yang dihormati seluruh dunia,  
Suatu nama yang hanya dilahirkan di bumi bertuah Malaya,  
Suatu nama yang tidak gentar musuh selain Allah,  
Suatu nama yang tidak pernah kenal erti putus asa,  
Suatu nama yang sentiasa meniup semangat kami yang dizalimi,  
Suatu nama pencetus transformasi,  
Suatu nama yang kami gantung harapan yang tipis ini,  
YaAllah ya tuhan kami, semoga Engkau panjangkan umur Tun Dr. Mahathir kerana sesungguhnya kami masih memerlukan Tun demi membentasi kezaliman dan kejahatan yang berleluasa ini,  
Kami baru sahaja membina semangat untuk bangun bertatih bersama Tun,  
Kami masih memerlukan Tun, YaAllah...amin.

Tun, kuatkan semangat kerana sesungguhnya hanya Allah mengetahui niat suci Tun. Salam sayang buat Tun Siti Hasmah.



41. [Log in to Reply](#) **man** Jul 13, 2015 11:14 PM

Tun yang dihormati dan dikasihi oleh ramai kalangan rakyat termasuk saya dan keluarga. Bersabarlah dengan apa yang berlaku sekarang. Tun telah buat yang terbaik.

Bagi yang sedar akan apa yang akan dihadapi kemudian hari, kita sama2 berusaha untuk mengelakkannya. Kita berusaha agar anak cucu kita mempunyai persiapan segalanya untuk menghindari dari ditindas di tanahair sendiri. Kita tahu Tun telah buat yang terbaik dan terdaya untuk kita dan tugas di tangan kita sekarang untuk terus maju membangunkan bangsa supaya tanahair kita ini tetap milik kita dalam erti kata sebenarnya untuk selama-lamanya.

42.  [Log in to Reply](#) **gd\_9005** Jul 13, 2015 10:47 PM

Salam Tun,


I would like to wish you a Happy belated Birthday and Selamat Berbuka Puasa. My heart aches reading your poem. You have done so many wonderful things and brought modernisation to our Malaysia. Fret not, we the people are with you. May God the Almighty bless Tun and your family with many blessings.

I can say that the young and old alike have much love and respect for you sir.


I would like to take this opportunity to wish you Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan

  
batin

  
Terima Kasih Tun Dr M

43.  [Log in to Reply](#) **hasbi** Jul 13, 2015 10:06 PM

Assalamualaikum tun mahathir mohd..perjuangan tun perjuangan agama bangsa dan negara..usah tun risau kerana kami yg membesar dan menikmati kepimpinan tun akan sentiasa berusaha memperjuangkan martabat agama bangsa dan negara selaras dgn kehendak agama. Tidak sekali kami akan tunduk kpd pemimpin yg lemah dan bersifat tamak haloba...we will continue the spirit of cekap bersih dan amanah dlm menjalankan tugas yg d amanahkan..insyaaAllah.

44.  [Log in to Reply](#) **bebasMy** Jul 13, 2015 9:36 PM

Salam Tun,

Sincere heart will always the most touching. Your spirit of merdeka will definitely influence all Malaysian. May Malaysian always fight for merdeka, freed bangsa and nation from greed and threatened.

Blessing and wishing selamat Hari Raya.



45. [Log in to Reply sitinur](#) Jul 13, 2015 9:34 PM

Assalamualaikum..

selamat hari lahir ayahanda tun dan bonda che set..maaf lambat ucap selamat sbb lepi maju...hi hi hi..pandai sgt hal ehwal computer bila lepi maju terkejut berok hi hi hi..saya juga amik keberkatan bulan ramadhan dgn memohon pd Allah agar selamatkan Malaysia...semuga doa2 kitew semua dimakbulkan Allah..amiiiiin..ayahanda tun jgn stress yer..Allah ada...



46. [Log in to Reply almadani](#) Jul 13, 2015 9:28 PM

Salaam hormat TUN yg d kasihi.

ALLAH HU AKHBAR.

Sesungguhnya perjuangan yg telah Tun lalui mempunyai erti dan nilai yg amat tinggi. Hanya pada Allah saya berserah dan memohon syukur kerana telah d kurniakan seorg pemimpin yg amat berjasa kpd agama bangsa dan negara.

Walaupun...PERJUANGAN ITU BELUM SELESAI.

Sekian. Terima kasih.



47. [Log in to Reply nase](#) Jul 13, 2015 9:08 PM

BUAT AYAHANDA CHE DET..

Bumi Malaysia bumi bertuah bumi berdaulat  
Tanah inilah terletaknya gudang Sulaiman  
Tanah inilah juga pusaka Musa tersimpan  
Tanah ini juga warisan keturunan anaknya Nuh berada  
Ribuan tahun rahsianya rapi terkunci..

Akhirnya...

Disinilah lahirnya seorang manusia bernama Mahathir  
Insan yang direstui rijalul-ghaib dan para wali  
Insan yang tahu istimewanya tanah ini  
Insan yang mengerti bangsanya tak kan melarat lagi kedua kali  
Cuma bisa terzahir di tangan yang direstui  
Tangan dari tubuhnya berqalbu sesuci salji

Wahai Bangsaku bergelar melayu  
Biarlah rakan taulan berbeda ras menumpang di tanah ini  
Asal saja di sini tertumpahnya setia tak berbelah bahagi  
Usah terlalu digusar hilangnya kekayaan dunia  
Yang berlalu marilah jadikan teladan  
Yang dihadapan ayuhlah jadikan harapan  
Ketahuilah..  
Itu hanya secebis kekayaan tanah ini

Tanah ini ada pewarisnya..  
Ada yang empunya haknya..

Tanah ini tanah bertuah tanah barokah  
Ya Tuhanku, biarlah insan Mahathir ini Engkau lanjuti sedikit lagi usianya  
Biarlah matanya melihat khazanah bumi bertuah ini terzahir  
Biarlah tangannya menyentuh sendiri harta rebutan penjarah ini  
Biarlah bicaranya menghambur amanat untuk bangsanya  
Hasil manfaat harta ini..

Buat Ayahanda Che Det  
Gudang Sulaiman telah dibuka  
Gedung Musa menanti diteroka  
Pusaka titipan bangsa sedia dirasa  
Untuk manfaat akhir zaman  
Ayahanda bersabarlah barang seketika..  
Impianmu bakal terkota  
Inilah istimewa umat Muhammad bernama bangsa Melayu  
Bangsa terakhir pewaris dunia..



48. [Log in to Reply](#) **anna maria** Jul 13, 2015 9:07 PM

Dear Dr M., First of all happy belated birthday! I have been an admirer of you for a long time: I am an Italian lady with a big 'mouth or guts' like your daughter Marina. It is sad to read that because you have reached the honourable age of 90 that you have to witness 'decay' in the political system you have been part of. The wheel is turning like for everybody else, please accept the fact that you might still be of influence in a wise way. You have achieved so much already.



49. [Log in to Reply](#) **daeng** Jul 13, 2015 8:42 PM

Assalamualaikum Tun,

BERITA AWANI (13/07/2015) : TANGANI DEFISIT KEPERCAYAAN TERHADAP UMNO

Seorang profesor menyeru ahli UMNO tangani perkara di atas. Bagi saya seruan itu hanya sia-sia sahaja.

Sebenarnya jawapan kepada persoalan di atas ialah NAJIB ADALAH PENCETUS DEFISIT KEPERCAYAAN TERHADAP UMNO. Ini kerana ahli-ahli UMNO bukan hilang kepercayaan kepada UMNO tetapi hilang kepercayaan terhadap kepimpinan Najib sebagai Presiden UMNO.

Manakala yang terkesan defisit kepercayaan terhadap UMNO adalah rakyat kerana UMNO dipimpin oleh Najib.

Kesimpulannya Najib adalah faktor utama penyebab rakyat kian kurang yakin terhadap UMNO / kerajaan kerana Najib seorang pemimpin yang terlalu banyak isu bermula kes Altantuya hingga terkini kes pengurusan kewangan 1MDB yang menjadi perbualan hangat rakyat. Jika Najib berundur maka

defisit terhadap UMNO / kerajaan dengan sendirinya menurun. Di mata rakyat, biar apa pun helah atau reaksi Najib bagi mempertahankan dirinya, ianya sudah tidak diindah oleh rakyat kerana populariti Najib kian merudum dan tidak mampu dipulihkan.

Jika tidak percaya buatlah survey secara telus terhadap populariti Najib.

Sekian Tun.



50. [Log in to Reply](#) **joetamchi** Jul 13, 2015 8:37 PM

Ya Allah lindungilah bangsaku  
Sedarkanlah mereka  
Sedarkan mereka bahawa Engkau tidak akan mengubah nasib bangsa

Melainkan bangsa itu sendiri cuba mengubahnya....

Mengubah sendiri, membendung nafsu...  
Menjaga tertib dan tingkahlaku...

YaAllah, akan tertindas lagikah bangsaku..?  
YaAllah, akan terjajah lagikah tanahair-ku..?

YaAllah,  
hanya Engkau yg lebih tahu...!  
hanya Engkau yg maha menentu...!

#SejarahMengajarManusia  
#KisahPertamaAdamDiCipta  
#KeNikmatDuniaSementara  
#KeranaNafsuDanHawa

<https://peribadirasulullah.wordpress.com/2010/09/06/5-nasihat-penting-nabi-adam-a-s-kepada-putera-puteranya/>

#3HariRamadhanTerakhir



51. [Log in to Reply](#) **utaqamy** Jul 13, 2015 8:31 PM

Allahuakhbar...Tun, tolong usahakan sesuatu Tun..  
Saya akan berdiri teguh dsisi Tun.  
Saya hargai segala pengorbanan Tun dan  
SAYA TAK RELA DIJAJAH LAGI..Cukuplah  
penderitaan yg dirasai ibu ayah serta nenek  
moyang ketika dijajah dahulu.

Tun, bagaimana dgn generasi yg akan datang,  
20-30 tahun lagi, bagaimanakah nasib anak2 muda

Melayu jika pemerintahan negara hampir tergelincir  
drpd landasan yg Tun rencanakan dulu.  
Saya tak sanggup merempat di tanah sendiri.

Tun, saya nampak perjuangan Tun begitu hebat  
berusaha memartabatkan Bangsa Melayu dan Islam  
di Malaysia menjadi lebih maju dan berjaya.  
Tetapi sekarang segelintir pihak yg bertanggungjawab mempertahankan Melayu dan Islam boleh  
dibeli  
dengan wang ringgit.

Betul apa yg Tun katakan, Pemimpin skrg sanggup  
menggadaikan maruah Bangsa Melayu dan Negara sendiri  
demi nafsu terhadap kebendaan kebanyakannya.  
Tak perlu sy jelaskan tentang barisan tertinggi,  
sebab sy rasa dah muak dengan sandiwara beliau  
dan kroni2 beliau.

Barisan yg paling dekat dgn rakyat pun menunjukkan kepentingan diri lebih penting drpd Bangsa,  
Agama dan Negara. Rakyat hilang rasa hormat terhadap mereka2  
yg salah guna kelebihan yg diberikan di muka bumi  
Allah ini. Ada antara mereka berani dan tegas  
sesama Melayu yg sememangnya Islam, tetapi tunduk  
dengan kafir demi wang ringgit.

Tun tolong usahakan sesuatu yg dapat menjamin kesejahteraan Bangsa Melayu di bumi Malaysia drpd  
jatuh ke tangan anasir2 luar ataupun musuh dalam selimut negara..

Semoga Tun dipanjangkan umur dan sihat sejahtera bersama keluarga. Saya dan Bangsa Melayu  
menyokong perjuangan Tun demi mempertahankan Islam dan Malaysia. Terima kasih atas segalanya  
ya Tun.  
Please stay with us.

We Love You Tun Dr. Mahathir.



52. [Log in to Reply rimba.emas](#) Jul 13, 2015 8:10 PM

Salam Tun.

1. Nabi Muhammad s.a.w diutus sebagai pemimpin umat manusia menegakkan agama Islam yang sebenar-benarnya dan dialah nabi terakhir yang di utus oleh Allah s.w.t.
2. Dalam Islam Nabi Muhammad s.a.w sepatutnya menjadi contoh ikutan kita umat manusia kerana ia berpandukan Al-Quran. Akhlaknya ialah Al-Quran. Al-Quran ialah kata-kata Allah s.w.t.
3. Nabi Muhammad s.a.w digambarkan hidup dalam keadaan ala kadar kerana suka memberi harta kekayaan kerana mementingkan usahanya mengembangkan agama Islam daripada mengumpul harta untuk diri sendiri.

4. Jadi ada beza Nabi Muhammad s.a.w dengan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang dalam bentuk yang dimiliki dengan rakyat jelata yang lain. Malah orang kaya iaitu memiliki kekayaan mencontohnya mengorbankan harta kepada agamanya. Contohnya seperti isterinya sendiri Siti Khadijah , Khalifah Saidina Abu Bakar, Saidina Omar al-Khatib dan seterusnya sehinggalah sampai Khalifah Muawiyah yang tidak seperti Nabi Muhammad s.a.w yang berat melebihi harta yang dimiliki dari usaha mengembangkan agama Islam.
5. Kini jarang kita dapat berjumpa pemimpin yang seumpama Nabi Muhammad s.a.w iaitu sanggup hidup luar dari kotak pemikiran kita semua. Sebagai contoh seorang pemimpin yang sanggup menjadi pemimpin bekerja dengan gaji dibawah tangga gaji dari rakyat bawahan.
- 6 Sifat-sifat itu yang pernah dilalui Nabi Muhammad s.a.w selalunya dapat meletakkan seseorang pemimpin memahami bagaimana seseorang itu mendalami kehidupan sebenar rakyat yang bergaji dibawah yang dikategorikan rendah.
